

# Wanita berisiko tinggi kena tipu

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

**H**ari ini, wanita dilihat lebih mudah terancam dan menjadi mangsa lelaki. Ditipu dan terpedaya dengan kata-kata manis sehingga sanggup menyerahkan ratusan ribu ringgit adalah berita kerap dipaparkan dalam dada akhbar kala ini.

Pada November tahun lalu, misalnya masyarakat dikejutkan dengan berita seorang wanita berusia 52 tahun di Miri, Sarawak mendakwa kerugian RM348,050 akibat diperdaya seorang rakan lelaki yang hanya dikenali melalui Facebook sejak Januari tahun 2014.

Lebih mengejutkan, beliau dengan mudah melakukan 13 transaksi di pelbagai bank secara beransur-ansur.

Satu lagi kes, berlaku di Kuala Lumpur tahun lalu yang membabitkan seorang janda beranak tiga, gagal melangsungkan perkahwinan dirancangan selepas teman lakinya bukan sekadar menghilangkan diri, malah turut melarikan wang RM30,000 miliknya.

## Mangsa lelaki Afrika

Teman lelaki berusia 20 tahun itu hanya dikenali selama sebentar sebelum bersungguh-sungguh mengajak berkahwin, kononnya cinta pandang pertama dan mahu menggunakan wang itu untuk membeli hartanah.

Lain pula kisah wanita tempatan yang sering menjadi mangsa

» Sikap mudah percaya teman lelaki baru dikenali antara punca mudah terpedaya



Madeline Berma

African Scam sehingga ada ditipu RM107,350, wang simpanannya.

Kes terbaharu membabitkan seorang kakitangan awam berumur 40 tahun yang berkenalan dengan seorang lelaki menggunakan gelaran 'Aakil Muhsni' atau 'Azim' menerusi laman sosial Facebook.

Kisah atau kes dipapar memperlihatkan begitu mudah dan cepat masa diambil pelaku untuk mendapatkan wang dimahukan.

## Golongan terpelajar terpedaya

Bukan saja golongan wanita biasa,

wanita berpengaruh turut mudah ditipu.

Seperti dilaporkan dalam akhbar, seorang ahli perniagaan wanita kerugian RM250,000 selepas tertipu dengan seorang lelaki asing melalui perkenalan mereka di laman sosial Facebook bersama seorang wanita lain yang mendakwa mewakili Lembaga Hasil Dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ahli perniagaan berusia 48 tahun itu mengenali lelaki yang dikenali sebagai Hendry John sejak Mei tahun lalu, memindahkan wang secara berperingkat ke dalam tujuh akaun berasingan dan berlainan identiti.

Tidak terkecuali kisah seorang pendidik berusia 28 tahun, Januari lalu yang menyerahkan RM140,000 apabila diperdaya dua lelaki Nigeria daripada sindiket sama menerusi penipuan bungkus dan Black Money hasil perkenalan singkat di laman sesawang.

Mangsa berusia 36 tahun dan bujang itu sanggup membuat pinjaman bank sebanyak RM90,000 bagi memenuhi hasrat kedua-dua lelaki kulit hitam yang dikenali sebagai James dan Charles.

Laporan kisah penipuan ini, sekaligus memperlihatkan sikap wanita mudah mempercayai teman lelaki yang baharu dikenali.

## Modus operandi sama

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita (PKW), Prof Madya Dr

Madeline Berma, pula berpendapat kisah penipuan wanita yang menjadi aliran hari ini, tiada kena-mengena dengan gender.

"Sama ada lelaki atau wanita, dua golongan ini berisiko dan potensi sama untuk ditipu. Cuma wanita kerap ditipu. Situasi ini lebih kepada individu yang memberi ruang untuk ditipu," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui, kes penipuan seumpama itu dilihat sebagai jalan pintas untuk pelaku mengaut wang dengan cara mudah melalui ayat cinta, ajakan kahwin atau meraih simpati mangsa. Apatah lagi wanita sinonim dengan sifat kasih sayang.

Katanya, zaman moden ini sudah menjadi aliran apabila internet digunakan sebagai satu landasan perhubungan alam maya.

"Jika diperhatikan, modus operandi pelaku adalah sama saja sejak dulu lagi. Menggunakan wajah orang Inggeris dan kerjaya di perusahaan minyak serta gas bagi menarik minat wanita. Tetapi saya menolak wanita yang terperangkap ini dalam kalangan mereka yang terdesak untuk berkahwin.

"Ini kerana adalah perkara biasa bagi wanita untuk mengenali lelaki di internet dan bercinta. Cuma, silapnya individu yang dicintai tidak jujur dalam perhubungan," katanya.

## Wanita berkerjaya sasaran ditipu

Katanya, wanita yang berkedudukan dan bijak pandai ditipu kerana golongan ini adalah sasaran pelaku.

"Kita lihat doktor, cikgu dan usahawan ditipu. Ini kerana mereka adalah golongan sasar dan bukan wanita yang tinggal di kampung. Malah, pendidikan bukan halangan untuk mereka diperdaya. Wanita sasaran mereka juga adalah yang tahu menggunakan internet dengan baik. Lagipun, kini wanita sudah keluar bekerja dan mempunyai pengaruh wang, jadi ini salah satu sebab menarik wanita ditipu zaman ini," katanya.

## Reaksi



"Saya juga pernah melalui zaman bercinta dan mengenali rami rakan lelaki. Tetapi tidak pernah dengan mudah menghulurkan wang apatah lagi ratusan ribu ringgit. Bagi saya golongan yang mudah terpedaya ini kurang selidik latar belakang kekasih atau rakan baharu di laman sesawang"

Nor Adlina Afzan  
Mohd Razak,  
Suri rumah



"Bagi saya, lelaki jenis penipu ini pandai menggunakan ayat cintanya untuk memikat. Lagipun, wanita selalunya takut kena tinggal. Jadi, sanggup menyerahkan apa saja kerana sangkanya, itulah cara terbaik iaitu memenuhi permintaan teman lelaki"

Nur Aisha Roslee,  
Peniaga

Mangsa penipuan perlu membuat laporan polis.

